

Mesej Sebelas

**Anak-anak Tuhan Bergerak-hidup
dalam Kasih dan Cahaya**

Bacaan Bible: Ef. 1:5, 9; 5:1-14; 1 Yoh. 4:8, 16; 1:5

- I. Kegirangan Tuhan adalah untuk menjadi satu dengan manusia dan menjadikan manusia sama seperti Dia dalam hayat dan sifat, tetapi bukan dalam Ketuhanan—Ef. 1:5, 9.**
- II. Sebagai anak-anak Tuhan, kita ialah Tuhan-manusia, dilahirkan daripada Tuhan, memiliki hayat dan sifat Tuhan, serta kepunyaan spesies Tuhan—5:1; 1 Yoh. 3:1; Yoh. 1:12-13:**
 - A. Tuhan ialah Bapa kita yang benar dan sejati, dan kita ialah anak-anak-Nya yang benar dan sejati—1 Yoh. 3:1; Ef. 5:1.
 - B. Keajaiban yang terbesar dalam alam semesta ialah manusia dapat diperanakkan daripada Tuhan dan pendosa dapat dijadikan anak-anak Tuhan—1 Yoh. 3:1, 9; 4:7; 5:1, 4, 18; Yoh. 1:12-13.
 - C. Menerusi kelahiran divin yang sedemikian ajaib, kita menerima hayat divin, iaitu hayat abadi (1:2), sebagai benih divin yang disemaikan ke dalam kita—1 Yoh. 1:2; 3:9.
 - D. Oleh sebab kita dilahirkan daripada hayat divin dan memiliki hayat divin, kita, iaitu anak-anak Tuhan, ialah orang yang divin—5:11-13; 3:1, 10.
 - E. Sebagai orang yang dilahirkan daripada Tuhan, kita bukan sahaja mempunyai hayat divin, malah mempunyai sifat divin—2 Ptr. 1:4.
 - F. Oleh sebab kita ialah anak-anak Tuhan yang mempunyai hayat dan sifat Tuhan, kita dapat menjadi orang yang meniru Tuhan—Ef. 5:1.
 - G. Sebagai anak-anak Bapa yang mempunyai hayat dan sifat Bapa, kita dapat menjadi sempurna sebagaimana Bapa kita adalah sempurna—Mat. 5:48.
- III. Kita perlu mengenali dan mengalami Tuhan sebagai kasih dan cahaya—1 Yoh. 4:8, 16; 1:5:**
 - A. Kasih dan cahaya sebenarnya ialah Tuhan sendiri; kedua-duanya ialah apanya Tuhan, iaitu esens-Nya—4:8; 1:5.
 - B. Satu Yohanes mengatakan bahawa Tuhan ialah cahaya (ay. 5), kemudian mengatakan bahawa Tuhan ialah kasih (4:8, 16).
 - C. Kasih, sebagai sifat esens Tuhan, ialah sumber kurnia, dan cahaya, sebagai sifat ekspresi Tuhan, ialah sumber kebenaran.
 - D. Apabila kasih divin muncul kepada kita, kasih menjadi kurnia, dan apabila cahaya divin menyinari kita, cahaya menjadi kebenaran.
- IV. Sebagai anak-anak Tuhan, kita harus bergerak-hidup dalam kasih dan cahaya—Ef. 5:2, 8:**
 - A. Sebagaimana kurnia dan kebenaran ialah elemen asas dalam 4:17-32, begitu juga kasih dan cahaya ialah elemen asas nasihat Paulus dalam 5:1-33:
 1. Kurnia ialah kasih yang telah dinyatakan, dan kasih ialah sumber kurnia; kebenaran ialah cahaya yang telah diwahikan, dan cahaya ialah asal usul kebenaran—1 Yoh. 4:8; 1:5.
 2. Kasih ialah substan dalaman Tuhan, cahaya ialah elemen terekspresi Tuhan; kasih dalaman Tuhan dapat dirasakan, dan cahaya luaran Tuhan dapat dilihat.
 3. Gerak-hidup harian kita sebagai anak-anak Tuhan harus dikonstitusikan dengan substan kasih Tuhan dan elemen cahaya Tuhan; hal ini harus menjadi sumber dalaman gerak-hidup kita.

Mesej Sebelas (sambungan)

4. Bergerak-hidup dalam kasih dan cahaya lebih dalam dan lebih lembut halus daripada hidup menurut kebenaran dan melalui kurnia.
- B. “Bergerak-hiduplah dalam kasih, sebagaimana Kristus juga mengasihi kita dan menyerahkan diri-Nya untuk kita, sebagai persembahan dan korban kepada Tuhan untuk menjadi bau-bauan harum”—Ef. 5:2:
 1. Bergerak-hidup dalam kasih bererti bergerak-hidup dalam hubungan yang intim dengan Tuhan—bd. 1 Yoh. 3:1:
 - a. Dalam hadirat Bapa, kita bukan sahaja menikmati kurnia, yakni penya-taan kasih, malah kita juga menikmati kasih itu sendiri.
 - b. Dalam gerak-hidup harian kita, kita harus sentiasa menjaga perasaan Bapa kita, kerana kita hidup secara intim dalam kasih-Nya yang lembut mesra.
 2. Matlamat buku Efesus adalah untuk membawa kita ke dalam kasih yang me-rupakan substan dalaman Tuhan supaya kita dapat menikmati hadirat-Nya dalam kemanisan kasih divin dan dengan itu mengasihi orang lain sebagai-mana Kristus mengasihi orang—5:25:
 - a. Dalam keadaan dan suasana kasih, kita ditepui Tuhan supaya menjadi kudus dan tanpa cacat cela di hadapan-Nya—1:4.
 - b. Kita berakar dalam kasih untuk bertumbuh dan kita berasas dalam kasih untuk pembinaan; kasih ini ialah kasih divin yang kita realisasikan dan alami secara praktikal—3:17.
 - c. Kasih Kristus, iaitu Kristus sendiri, adalah tidak terukur dan melangkaui pengetahuan, namun kita dapat mengenali kasih ini dengan mengalami-nya—ay. 19.
 - d. Dalam kasih Tuhan dalam Kristus, kita berpegang pada kebenaran, iaitu berpegang pada Kristus bersama dengan Tubuh-Nya—4:15.
 - e. Tubuh Kristus membina dengan sendiri dalam kasih; kasih ialah jalan yang terunggul untuk kita menjadi apa-apa dan melakukan segala hal demi pembinaan Tubuh Kristus—ay. 16; 1 Kor. 12:31.
 - f. Mengasihi Tuan dalam ketakkorupan bermakna mengasihi-Nya dalam cip-taan baru dan menurut segala hal yang tidak korup yang diwahikan dalam buku Efesus—6:24.
 3. Sebagai orang yang telah dilahirkan menjadi spesies Tuhan, kita, anak-anak Tuhan, harus menjadi kasih kerana Tuhan ialah kasih; oleh sebab kita menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat, kita juga harus menjadi kasih—1 Yoh. 4:8, 16.
- C. “Dahulunya kamu ialah kegelapan tetapi sekarang cahaya dalam Tuan; bergerak-hiduplah sebagai anak-anak cahaya”—Ef. 5:8:
 1. Oleh sebab Tuhan ialah cahaya, maka kita sebagai anak-anak Tuhan ialah anak-anak cahaya—1 Yoh. 1:5; Ef. 5:8; Yoh. 12:36.
 2. Kita bukan sahaja anak-anak cahaya—kita ialah cahaya itu sendiri; kita ialah cahaya kerana kita bersatu dengan Tuhan dalam Tuan—Mat. 5:14; 1 Yoh. 1:5.
 3. Apabila kita berada dalam cahaya, kita berada di luar lingkungan betul dan salah—ay. 7.
 4. Jika kita bergerak-hidup sebagai anak-anak cahaya, kita akan menghasilkan buah yang dihuraikan dalam Efesus 5:9:

Mesej Sebelas (sambungan)

- a. Buah cahaya seharusnya adalah baik dari segi sifat, adilbenar dari segi prosedur, dan benar dari segi ekspresi, supaya Tuhan dapat diekspresikan sebagai realiti gerak-hidup harian kita.
- b. Buah cahaya yang terdapat dalam kebaikan, keadilanbenaran, dan kebenaran adalah berkaitan dengan Tuhan Tritunggal:
 - 1) Tuhan Bapa sebagai kebaikan ialah sifat buah cahaya; oleh itu, kebaikan dalam ayat 9 merujuk kepada Tuhan Bapa—Mat. 19:17.
 - 2) Keadilbenaran merujuk kepada Tuhan Anak kerana Kristus datang untuk menyempurnakan tujuan Tuhan menurut prosedur adilbenar Tuhan—Roma 5:17-18, 21.
 - 3) Kebenaran, iaitu ekspresi buah cahaya, merujuk kepada Tuhan Roh kerana Dia ialah Roh realiti—Yoh. 14:17; 16:13.
- c. Bukti bahawa kita bergerak-hidup sebagai anak-anak cahaya akan ternyata apabila buah sedemikian dihasilkan.